



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
Department of Islamic Development Malaysia
جامعة إسلامية تطوير ماليزيا

TUNTUTAN AGAMA DALAM MEMBUAT PERANCANGAN HARTA

OLEH:

TUAN HAJI RAZALI BIN HAJI Sh AHABUDIN
PENGARAH
BAHAGIAN PENYELIDIKAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
(JAKIM)





KANDUNGAN

- 1. PENDAHULUAN**
- 2. HARTA DARI PERSPEKTIF ISLAM**
- 3. KEPENTINGAN HARTA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA**
- 4. HUBUNGAN MANUSIA DENGAN HARTA DARI PERSPEKTIF ISLAM**
- 5. KLASIFIKASI HARTA DALAM ISLAM**
- 6. PERANCANGAN HARTA DALAM ISLAM**
- 7. KELUARGA DAN PENGURUSAN HARTA**
- 8. TUNTUTAN MENGEMBANGKAN HARTA**
- 9. KESIMPULAN**



PENDAHULUAN

- Merancang harta dalam Islam tidak terhad pada kaedah dan tatacara menguruskan perbelanjaan individu atau keluarga di dunia sahaja.
- Ia merangkumi bagaimana cara menguruskan harta dengan teratur untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.



عَنْ أَبِي بَرْزَةَ الْأَسْلَمِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَرْزُولُ قَدَمًا عَبْدٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّىٰ يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ أَبْلَاهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا

Maksudnya:

Dari Abi Bazrah al-Aslami katanya: Rasulullah SAW bersabda, tidak akan melangkah kaki anak adam pada hari kiamat sehingga ditanyakan mengenai umurnya pada apa ia habiskan, mengenai ilmunya pada apa ia lakukan, mengenai hartanya darimana ianya diperolehi dan ke mana ianya dibelanjakan dan mengenai tubuhnya pada apa ianya dihabiskan.



HARTA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Apakah yang dimaksudkan dengan harta?

- Hanafi – Harta ialah sesuatu yang diingini manusia dan boleh disimpan lama.
- Syafi'i dan Hanbali – Sesuatu benda dianggap harta jika ada nilai komersial padanya sama ada ia dalam bentuk barang atau manfaat dan boleh dikenakan ganti rugi sekiranya ia dicerobohi.



- Takrifan ini membawa maksud bahawa untuk menentukan sesuatu itu sebagai harta ianya memerlukan beberapa ciri, antaranya;
 1. Ianya hendaklah mempunyai nilai, sama ada bentuk fizikal atau manfaat.
 2. Ianya hendaklah sesuatu yang halal dan tidak najis menurut syarak.
 3. Ianya hendaklah sesuatu yang boleh dimiliki. Jika sesuatu itu tidak boleh dimiliki dan dikuasai seperti ikan yang masih di laut atau burung di udara, maka ia tidak lagi dianggap sebagai harta.



KEPENTINGAN HARTA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

- Dalam kehidupan individu, harta adalah sebagai wasilah bagi memenuhi keperluan yang dihajati.
- Sementara bagi masyarakat dan negara, harta sebagai wasilah pembangunan dan sumber kekuatan.
- Islam memperakui penguasaan harta ke atas diri manusia, pengaruhnya dalam kehidupan dan disanubari mereka, kerana ia merupakan tenaga yang bekerja dalam kehidupan.



- Harta dilihat sebagai paksi aktiviti ekonomi dalam masyarakat.
- Islam sebagai *ad-din* telah pun mengatur dalam sistem ekonominya cara-cara pemilikan harta serta kaedah membangun dan mengembangkannya.



HUBUNGAN MANUSIA DENGAN HARTA DARI PERSPEKTIF ISLAM

- Hubungan manusia dengan harta dalam syariat Islam berada di atas dasar perseimbangan yang sempurna di antara menjaga kepentingan awam dan kepentingan persendirian.
- Islam melihat harta sebagai suatu yang baik dan berfungsi sebagai alat yang membantu kehidupan manusia serta merupakan salah satu kurniaan Allah SWT yang besar untuk kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat.




Ini dapat dilihat kepada prinsip-prinsip berikut;

1. Manusia sebagai pemegang amanah ke atas harta kurniaan Allah.

- Dalam menguruskan harta yang merupakan amanah Allah ini ialah mereka diperintahkan agar menghulurkan harta yang berlebihan kepada yang memerlukan.

Firman Allah SWT dalam surah al-hadid, ayat 7;



Maksudnya;

Dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari



2. Manusia dituntut memelihara dan megembangkan hartanya.

-Memelihara harta merupakan suatu tuntutan syarak yang termasuk di dalam *daruriyat* yang lima iaitu memelihara agama, jiwa, harta, kehormatan diri dan akal.

- Harta perlu dikembangkan agar tidak habis dimakan zakat.

عَنْ عَمْرُو بْنِ شُعَيْبٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ جَدِّهِ ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ النَّاسَ ، فَقَالَ : أَلَا مَنْ وَلَيَ يَتِيمًا لَهُ مَالٌ ، فَلَا يَتَّهِيجَ فِيهِ ، وَلَا يَتُرْكَهُ حَتَّى تَأْكُلَهُ الصَّدَقَةُ

Dari Amru bin Shuaib, dari bapanya, dari datuknya, Sesungguhnya Rasulullah SAW berkhutbah kepada manusia dengan bersabda; Ketahuilah sesiapa yang menjadi penjaga kepada anak-anak yatim yang ada harta, hendaklah ia perniagakan harta itu agar tidak terhakis di makan zakat.



3. Harta suatu nikmat yang boleh bertukar jadi niqmah.


-Kekayaan nikmat Allah. Firmannya dalam surah al-Dhuha ayat 8;

Maksudnya;
Dan didapatinya engkau miskin, lalu ia memberikan
kekayaan.

-Kurniaan Allah juga adalah merupakan suatu cubaan dari Allah SWT yang boleh membawa niqmah atau bala ke atas manusia sama ada di dunia maupun di akhirat.



Dalam surah al-Anfal ayat 28, Allah SWT berfirman;



Maksudnya:


Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.



4. Islam menggalakkan umatnya supaya bekerja untuk mendapat dan memiliki harta yang halal.

-Islam menyeru dan menggalakkan umatnya supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan wang atau harta.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Taubah ayat 105;





Maksudnya;

Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

-rezeki yang diusahakan tersebut hendaklah diperolehi dari sumber yang halal. Rasulullah SAW bersabda;

وَعَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

Anas bin Malik meriwayatkan dari Rasulullah SAW bersabda;
Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim.



KLASIFIKASI HARTA DALAM ISLAM

-Harta dalam Islam dapat diklasifikasikan kepada beberapa bentuk.

1. Harta alih dan harta tak alih.
2. Harta yang boleh di tetapkan kadarnya dan harta yang tidak boleh di tetapkan kadarnya.
3. Harta yang serupa (*al-mithli*) dan harta yang seharga (*al-qimi*).
4. Harta yang berupa barang dan harta yang berupa manfaat.



PERANCANGAN HARTA DALAM ISLAM

- Sebagai salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia, harta seharusnya diurus dan dirancang dengan baik dan sempurna, agar ia tidak dibazirkan dan dibelanjakan dengan cara yang bertentangan dengan syarak.
- Perancangan harta membawa maksud seseorang itu merancang aliran hartanya semasa hidup dan selepas kematianya.
- Ini membolehkan seseorang itu menentukan perjalanan hartanya dan kepada sesiapakah hartanya patut diberikan dan ia sah dari segi undang-undang sama ada sivil mahupun syariah



Perancangan harta yang baik dan sempurna amat dititikberatkan untuk menjamin objektif berikut;

1. Memastikan kehendak dan keperluan individu serta perancangan masa depan keluarga dapat dilaksanakan untuk kepentingan dunia dan akhirat.
2. Memastikan harta bergerak cergas dan berkembang di dalam pelbagai sektor ekonomi.
3. Memperluas skop peredaran kekayaan agar ia turut dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat.
4. Menyediakan kedudukan kewangan yang kukuh untuk keluarga dan memastikan harta benda terpelihara.
5. Boleh mengelakkan perselisihan faham antara ahli keluarga dan harta benda akan diwarisi oleh waris dengan sermpurna.



Dalam surah Yusuf ayat 47-48, Allah SWT telah menjelaskan bagaimana persediaan telah dilakukan oleh Nabi Yusuf bagi menghadapi musibah pada masa akan datang yang melibatkan perancangan harta yang baik. Allah SWT berfirman;



Maksudnya:

Yusuf menjawab: Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih).



Islam telah menentukan beberapa instrumen perancangan harta yang boleh menjamin kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat. Antara instrumen tersebut ialah;

- wasiat
- zakat
- faraid
- hibah
- wakaf.



KELUARGA DAN PENGURUSAN HARTA

- Perancangan dan pengurusan kewangan keluarga adalah penting, supaya keluarga tidak akan menghadapi masalah dikemudian hari atau menghadapi kekurangan wang pada kemudian hari. Terdapat beberapa perkara perlu diambil perhatian oleh ketua keluarga dalam merangka pengurusan kewangan keluarga. Antaranya;
 - a. Merancang dan menilai urusan kewangan keluarga dari segi pendapatan dan perbelanjaan.
 - b. Menilai sama ada berlaku pembaziran atau perbelanjaan yang keterlaluan.



- c. Membahagikan pendapatan mengikut keutamaan.
- d. Kurangkan pergantungan dengan penggunaan kad kredit dan budaya suka berhutang.
- e. Menanamkan sikap suka menabung untuk bekalan dimasa hadapan.



TUNTUTAN MENGEMBANGKAN HARTA

-Islam mengambil sikap yang jelas dan terbuka dalam soal pengurusan harta, berdasarkan nilai dan objektif untuk kebaikan dunia dan akhirat sekali gus menghindari segala keburukan dan kemudaratian.

-Pengurusan harta yang benar-benar menepati syarak amat diperlukan untuk menjamin perkara-perkara berikut :

- a. Memastikan harta beredar dan bergerak cergas di dalam berbagai-bagi sektor kehidupan sehingga memungkinkan pengembangan harta dan penggunaannya secara meluas dan menyeluruh mengikut garis panduan syarak.



- b. Memberi galakan kepada muamalah kehartaan hingga dapat memperluaskan skop peredaran harta dan kekayaan sehingga dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat secara adil.
- c. Mencari alternatif tertentu bagi mengelakkan berlakunya kesukaran-kesukaran yang boleh melemahkan kegiatan ekonomi seperti kelonggaran untuk tidak menggunakan saksi dalam urusan perniagaan secara terus.

- Islam menggalakkan pemilikan harta agar mengembang dan melaburkan harta yang dimiliki dan melarang perbuatan membekukan harta dari dikembangkan.

Allah SWT berfirman, dalam surah al-taubah ayat 34 dan 35,





Maksudnya;

Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): "Inilah apa Yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa Yang kamu simpan itu.



Antara alternatif yang boleh diambil bagi mengembangkan harta ialah;

1. membeli saham
2. membeli saham amanah atau *Unit Trust Funds*.
3. berniaga
4. melabur dalam syarikat perusahaan dengan cara murabahah, mudharabah atau musyarakah.
5. membeli bon atau sukuk patuh syariah.
6. menabung dalam skim takaful dan seumpamanya.



thank you

YOUR LOGO
HERE